



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada YB Datuk Seri Saravanan, Ahli Parlimen Tapah atas keputusan beliau untuk tidak meneruskan debat berkaitan agama. Keputusan YB Datuk Seri Saravanan adalah tindakan yang amat tepat dalam menjaga keharmonian dan perpaduan negara kita. Saya juga turut menghargai langkah dan usaha Zamri Vinoth yang menyambut baik perkara ini.

Keputusan ini juga mengingatkan kita semua tentang pentingnya untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, budaya dan bangsa. Perpaduan bukan hanya sekadar slogan, tetapi harus diterjemahkan dalam tindakan dan sikap sehari-hari kita. Prinsip Faham, Hormat, dan Terima menjadi asas yang penting dalam usaha ini. Dengan mengambil pendekatan yang lebih inklusif dan mengamalkan prinsip Faham, Hormat, dan Terima, kita bukan sahaja dapat membina masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera.

Semoga keputusan ini dapat menjadi contoh teladan yang baik kepada kita semua untuk terus berusaha memperkuuhkan perpaduan dan saling menghormati antara satu sama lain. Keputusan ini adalah satu langkah positif yang mengingatkan kita tentang pentingnya menjaga keamanan dan keharmonian dalam negara yang pelbagai, dan ia wajar dijadikan pedoman bagi generasi akan datang.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
11 MAC 2025**